

11/08/2003

Malaysia, Algeria wujud mekanisme baru perdagangan

Mior Kamarul Shahid

ALGIERS: Malaysia dan Algeria berharap dapat mewujudkan satu mekanisme perdagangan baru bagi meningkatkan hubungan ekonomi lebih aktif antara kedua-dua negara, sempena lawatan tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu bermula hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata menerusi perjanjian perdagangan yang akan ditanda tangani antara kedua-dua negara serta memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang akan dimeterai sempena lawatan itu, akan dapat menentukan rangka kerja bagi mengeratkan hubungan lebih kukuh.

Malaysia juga akan membantu Algeria mempelbagaikan ekonominya yang pada masa ini tertumpu kepada jualan gas, baja dan buah-buahan.

Sebelum ini, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) sudah membuat kajian berhubung struktur ekonomi dan peluang pelaburan di Algeria dalam bidang pertanian, industri telekomunikasi, perlombongan dan pelancongan.

Katanya, laporan mengenai kajian itu sudah diserahkan kepada Kerajaan Algeria. Sebuah suruhanjaya bersama antara Malaysia dan Algeria sudah diwujudkan.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini, Syed Hamid berkata, lawatan Dr Mahathir adalah atas jemputan Presiden Algeria, Abdulaziz Bouteflika untuk memperkukuhkan persahabatan antara kedua-dua negara. Ia memberi peluang kepada Dr Mahathir menjemput Presiden Bouteflika secara peribadi untuk menghadiri Sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini. Ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri Malaysia ke Algeria,

Antara rombongan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yaik dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim serta 50 ahli perniagaan.

Syed Hamid berkata, peluang pelaburan yang boleh diterokai termasuk pembinaan lebuhraya, perumahan dan ICT.

Algeria juga memberi keutamaan kepada projek perumahan setelah 70,000 rakyatnya kehilangan rumah dalam gempa bumi dua tahun lalu,

Negara itu menyediakan RM1.8 bilion untuk pembinaan semula 20,000 rumah. Algeria juga dalam projek memajukan taman teknologi ala Cyberjaya di Malaysia.

Malaysia sudah melatih 18 pegawai Algeria untuk belajar bagaimana mewujudkan taman berkenaan.

Dr Mahathir yang mengadakan pertemuan dengan Presiden Bouteflika akan membincangkan isu dua hala, serantau dan penganas selain perkembangan sistem antarabangsa dan perpaduan negara Islam.

Kedua-dua pemimpin juga dijangka menyentuh soal perkembangan terbaru di Timur Tengah selain isu Iraq dan Palestin.

Syed Hamid yakin pertemuan itu akan dapat mewujudkan satu pendekatan baru bagi membantu memperkukuhkan perhubungan antara kedua-dua negara.

Dalam pertemuan yang lalu, pemimpin Algeria sering menunjukkan minat ke atas kejayaan Malaysia malah Presiden Bouteflika kagum dengan pencapaian Malaysia dalam tempoh dua dekad yang lalu.

Mengenai pelaburan syarikat Malaysia beliau berkata, Petronas sudah

mengadakan pelaburan dengan syarikat gas Algeria dan Perancis bagi pengeluaran gas menerusi usaha sama sejak 2001. Petronas menguasai 45 peratus daripada saham syarikat yang akan menyalurkan gas ke Eropah dan Perancis itu.